

# Melahirkan generasi cintakan pertanian

Oleh PROFESOR DR. AB RAHIM BAKAR

**S**EKTOR pertanian penting bagi memastikan negara mempunyai simpanan makanan yang mencukupi untuk tahun-tahun yang mendatang. Sektor pertanian menyumbang sebanyak 9.2% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2014 dan sebanyak 1.7 juta pekerjaan terhasil dalam tahun yang sama. Namun melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP), kerajaan menyasarkan sumbangan sektor ini akan meningkat pada tahun 2020 selain berhasrat menjadikannya sebagai perniagaan.

Dengan perubahan teknologi yang semakin maju, pertanian bukan lagi terhad kepada pengeluaran ladang. Sebaliknya sudah memasuki dunia yang lebih luas seperti penghasilan benih atau baka baru, pemprosesan dan pemasaran hasil pertanian.

Pertanian melibatkan aktiviti yang menyeluruh dari ladang hinggalah ke dapur pengguna. Pertanian kini melibatkan penggunaan bioteknologi, kejuruteraan genetik, kultur tisu, pertanian persis dan pelbagai lagi teknologi baharu. Penggunaan teknologi dalam pertanian amatlah diperlukan untuk mengurangkan kos dan meningkatkan produktiviti.

Kita semua sedar bahawa pertanian adalah satu aktiviti utama negara pada suatu ketika dahulu. Namun hari ini sumbangan sektor pertanian sudah berkurangan dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Pekerja pertanian sudah berkurangan. Tidak ramai anak muda yang terlibat dalam sektor pertanian. Pengusaha pertanian di luar bandar sudah mencecah umur 50an. Ramai generasi muda yang berhijrah ke bandar mencari rezeki di kilang-kilang, di sektor peruncitan dan sektor perkhidmatan lain.

Kerajaan pernah menguar-uarkan sehingga dijadikan slogan, Pertanian adalah Perniagaan. Persoalannya, sejauh mana sambutan golongan muda terhadap hasrat ini? Ramai lepasan sekolah menengah lebih rela bekerja di kilang daripada di ladang di mana kerjanya adalah lebih lasak dan memenatkan.

Ini juga berlaku kerana sikap negatif golongan muda dan juga orang dewasa terhadap sektor ini. Pertanian juga dikatakan sebagai *sunset industry*. Pekerjaan dalam bidang pertanian dianggap sebagai pekerjaan khusus untuk luar bandar dan tidak me-



**BEBERAPA** pelajar tertarik untuk melihat dengan lebih dekat tanaman herba di taman herba sekolah Maahad Tahfiz Sains Tanah Merah, Kelantan, pada 19 Mei lalu. - UTUSAN/WAHIDIN SALIM

nyeronokkan. Stigma, persepsi, sikap, pandangan negatif yang menyelubungi kita menjadikan pertanian tidak mampu menarik golongan muda ke dalam sektor ini. Inilah akibatnya apabila sikap positif terhadapnya tidak dibentuk sejak dari bangku sekolah.

Banyak sekolah di Malaysia tidak menawarkan mata pelajaran Sains Pertanian pada peringkat menengah atas. Pada 2014, jumlah pelajar di peringkat menengah atas adalah sekitar 800,000 orang. Daripada jumlah ini berapa ramai pula yang didedahkan dengan mata pelajaran Sains Pertanian? Tanggapan ini selaras dengan pengeluaran guru pertanian. Misalnya Universiti Putra Malaysia (UPM) hanya menghasilkan antara 35-40 orang guru pertanian setiap tahun. Dalam empat tahun yang akan datang iaitu tahun 2020 tidak ada guru pertanian yang dikeluarkan kerana tiada unjuran keperluan guru pertanian daripada pihak Kementerian Pendidikan.

Kalau benar guru pertanian tidak diperlukan, apa akan jadi dengan penawaran mata pelajaran ini di sekolah-sekolah dan hasrat kerajaan untuk meningkatkan peranan pertanian dalam pembangunan ekonomi negara?

Sekiranya mata pelajaran ini ingin ditawarkan kepada pelajar yang ramai supaya lebih banyak generasi muda cintakan pertanian, maka lebih ramai guru pertanian perlu dihasilkan. Persoalannya pula adakah Kementerian Pendidikan berhasrat meningkatkan kecintaan pelajar sekolah kepada pertanian?

Jika ada berhasrat sedemikian, soalan seterusnya adakah sekolah sanggup melaksanakan hasrat itu?

Mungkin ada dalam kalangan warga pendidik khususnya para pentadbir sekolah yang tidak menganggap pertanian sebagai satu mata pelajaran yang boleh membina sikap positif golongan muda kepada bidang pertanian. Mungkin ada dalam kalangan pentadbir sekolah yang merasakan pertanian adalah untuk golongan pelajar tertentu sahaja. Ini mungkin berlaku kerana ketidakfahaman bahawa pertanian adalah satu bidang yang penuh dengan aplikasi Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Pengetahuan sains dan teknologi berperanan penting jika pertanian hendak difahami dengan mendalam.

Banyak teknologi baru sudah diperkenalkan oleh saintis pertanian. Sekolah-sekolah di bandar boleh memperkenalkan pertanian bandaran secara hidroponik atau secara sistem fertigasi. Kawasan berkebun bukan lagi menjadi halangan untuk sekolah tidak menawarkan mata pelajaran Sains Pertanian. Mungkinkah tiada penawaran disebabkan oleh kekurangan guru pertanian? Atau mungkinkah tiada penawaran disebabkan tiada keinginan oleh pihak sekolah untuk berbuat demikian?

Selagi pertanian masih dianggap sebagai penanaman dan pemeliharaan ternakan semata-mata, maka pertanian tidak akan maju. Selagi pertanian tidak dianggap sebagai satu jenis keusahawanan maka selagi itu pertanian tidak mendapat tempat di hati golongan muda.

Menjadi tanggungjawab pihak sekolah, kementerian berkenaan dan masyarakat untuk memberikan tumpuan serius terhadap sek-

tor ini. Perlu ada kerjasama di antara agensi pertanian dan sekolah untuk memberi suntikan baru kepada pengajaran dan pembelajaran pertanian di sekolah bagi menimbulkan minat golongan muda menceburi bidang ini.

Sekolah perlu menawarkan subjek pertanian kepada pelajar-pelajarnya tanpa mengira kemampuan akademik. Sekolah tidak boleh lagi mengatakan sains pertanian sesuai untuk golongan pelajar yang rendah kebolehan akademik mereka, iaitu tanggapan yang ada sebelum ini.

Untuk menggalakkan kecintaan golongan muda kepada bidang pertanian, perlu kita wujudkan Kelab Usahawan Tani di setiap sekolah di negara ini dan juga di peringkat nasional.

Langkah sebegini boleh memberi suntikan baru kepada bidang pertanian apabila anak-anak yang masih di bangku sekolah didedahkan dengan ilmu pertanian dan terlibat aktif dalam Kelab Usahawan Tani.

Kerjasama antara tiga kementerian utama iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani adalah amat diperlukan kerana masing-masing mempunyai peranan yang tersendiri.

Diharap dengan wujudnya kerjasama yang erat antara ketiga-tiga kementerian maka usaha memperkasakan pertanian dapat dicapai. Semoga dengan kerjasama ini negara dapat menghasilkan generasi yang cintakan pertanian.

**PENULIS** ialah Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM.